**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR
# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

## SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 19/2012 (6 hingga 12 Mei 2012)

Sejumlah 393 kes demam Denggi dan tiada kematian telah dilaporkan sepanjang minggu ke-19 berbanding 405 kes dengan dua (2) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Jumlah terkumpul kes Denggi bermula dari Januari sehingga 12 Mei 2012 adalah 9,202, meningkat sebanyak 21% atau 1,623 berbanding 7,579 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas. Negeri Selangor telah melaporkan jumlah kes dan kematian Denggi yang tertinggi iaitu 4,161 kes dengan 10 kematian, meningkat 50% atau 1,391 kes berbanding 2,770 kes dengan 3 kematian pada tahun 2011. Negeri-negeri lain yang juga menunjukkan peningkatan kes Denggi yang ketara pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 ialah WP Kuala Lumpur & Putrajaya yang meningkat sebanyak 360 kes (59%), Kelantan 221 kes (82%), Kedah 134 kes (76%) dan Perlis yang meningkat sebanyak 49 kes (181%). Jumlah keseluruhan kematian yang dilaporkan pada tahun 2012 adalah sebanyak 20 kematian, meningkat 8 berbanding 12 kematian pada tahun 2011.

Pada tempoh yang sama, sejumlah 89 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 16 daerah, dengan 73 lokaliti berlaku di Selangor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya. Terdapat dua (2) lokaliti *hot spots* iaitu Kuarters Kakitangan ATM (Jalan U-Thant), zon Pusat

Bandar, melibatkan 19 kes dan Taman Mulia, zon Cheras, WP Kuala Lumpur yang melibatkan 9 kes. Hasil pemantauan KKM mendapati, lokaliti Taman Mulia merupakan lokaliti hotspot baru pada minggu ke-19 dan Kadar Pembiakan Aedes masih menca9934biakanilaiasr yalii(k)-3(aiai3(aliu[19

[illegible]

**Lampiran A**

# KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2012
## (6 hingga 12 Mei 2012)

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 19/2012 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 19/2011 |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Minggu 19 (6 – 12 Mei 2012) | Minggu 18 (29 April – 5 Mei 2012) | | |
| 1 | Perlis | 3 | 3 | 76 | 27 |
| 2 | Kedah | 16 | 27 | 310 (1) | 176 |
| 3 | P. Pinang | 18 | 9 | 332 (1) | 717 (1) |
| 4 | Perak | 18 | 28 | 625 (1) | 475 (1) |
| 5 | Selangor | 202 | 182 (1) | 4,161 (10) | 2,770 (3) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 19 | 45 | 975 (3) | 615 |
| 7 | N. Sembilan | 10 | 7 | 165 (1) | 292 |
| 8 | Melaka | 7 | 7 | 255 | 177 |
| 9 | Johor | 36 | 31 (1) | 632 (1) | 749 (4) |
| 10 | Pahang | 7 | 8 | 280 (1) | 379 (1) |
| 11 | Terengganu | 17 | 11 | 327 | 309 (1) |
| 12 | Kelantan | 13 | 15 | 489 | 268 (1) |
| 13 | Sarawak | 20 | 23 | 393 | 417 |
| 14 | Sabah | 7 | 8 | 175 (1) | 203 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 1 | 7 | 5 |
| | **MALAYSIA** | **393** | **405 (2)** | **9,202 (20)** | **7,579 (12)** |

Nota: ( ) Kematian

**Lampiran B**

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 19 BAGI TAHUN 2012**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | WPKL | Pusat Bandar | Qrts Kakitangan ATM (Jalan U-Thant) | 19 | 48 |
| 2 | WPKL | Cheras | Taman Mulia (Jalan Budiman) | 9 | 35 |

**Lampiran C**

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 19 BAGI TAHUN 2012 (6 hingga 12 Mei 2012)**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%) | Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | WPKL | Cheras | Taman Mulia (Jalan Budiman) | 2.0 | 2 |